

Diam atas kebenaran umpama syaitan yang bisu

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

WS/

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. **44**

Semakin benci kita kepada kemungkar, maka semakin meningkat rasa kasih dan kasihan kita kepada pelakunya. Kemungkar itu umpama api yang membakar pelakunya. Ayuh, selamatkan mereka dengan kasih sayang.

Amar Nahi Makruf Mungkar

Qadar Allah yang Boleh Diubah

Adakah qadar Allah mungkin boleh berubah? Ada disebutkan ungkapan bahawa qadar tidak boleh ditolak melainkan dengan doa.

Jika qadar menetapkan kita sakit, bukankah kita boleh berusaha untuk menjadi tidak sakit?

Kalau qadar menetapkan kita akan terlibat dengan kemalangan, tidakkah kita boleh berusaha untuk mengelakkan daripada kemalangan itu berlaku?

> hlm. 101

> Generasi Terakhir Umat Manusia

hlm. 111

> Antara Kerjaya, Keluarga dan Dakwah

hlm. 14

> Di Sebalik Secebis Kain...

hlm. 52



ISSN 1985-5400 > 44

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia




Imbas kod untuk ke Facebook Majalah Solusi

Keutamaan Pelaburan HALAL

Bagi mereka yang mempunyai duit lebih, mencari pelaburan yang menguntungkan adalah satu keutamaan. Malah bagi mereka yang berada dalam kedudukan kewangan yang sederhana juga tidak terkecuali meninjau tempat dan cara pelaburan yang baik.

Memanfaatkan wang yang ada bagi tujuan pelaburan sememangnya amat digalakkan dalam Islam. Malah, membiarkan wang terperuk dalam simpanan merupakan satu tindakan yang tidak digalakkan kerana tindakan sedemikian akan menafikan objektif *tadawul* (harta berlegar dalam pasaran sesebuah kawasan atau negara) sehingga tidak dapat dimanfaatkan oleh orang ramai. Bergerak dan memanfaatkan orang lain bukan sahaja suatu sifat yang terpuji bagi manusia, malah pada harta itu sendiri juga. Ibarat air yang lama bertakung, tentunya tidak sesegar air sungai yang sentiasa mengalir, malah dapat memberi manfaat di daerah yang luas dan pelbagai.

Galakan untuk berusaha dan mengemblem tenaga memanfaatkan sumber bumi dan juga harta yang telah dimiliki ini dapat dilihat dalam firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Dialah (Allah) yang membangkitkan kamu dari bumi dan mengarahkanmu untuk memakmurkannya." (*Surah Hud* 11: 61)



Allah s.w.t. berfirman lagi, maksudnya: "Dan Kami turunkan besi dan padanya ada kekerasan dan banyak manfaat kepada manusia." (*Surah al-Hadid* 57: 25)

Dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang telah menjual rumah dan kemudian tidak menggunakan wang itu untuk kegunaan yang setanding dengan sebelumnya, tiada-lah keberkatan pada jualan itu." (*Al-Suyuti, al-Fath al-Kabir*, jil. 3, hlm. 165)

Melalui hadis ini dapat difahami arahan agar lebih bijak menggunakan keuntungan yang diperoleh daripada jualan sesuatu aset bertanah (hartanah) dengan tidak menggunakannya untuk tujuan yang kurang bijak seperti membeli makanan yang akan habis atau kenderaan yang akan susut nilainya, sebaliknya perlu bijak menggunakannya untuk membeli hartanah (*landed and real property*) seperti bangunan, rumah dan tanah misalnya. Jika digunakan hasil keuntungan jualan hartanah sebegitu untuk pembelian aset yang kurang nilainya, ia dikira suatu pelaburan yang tidak diberkati.

Nabi s.a.w. bersabda lagi yang bermaksud: "Perdagangkanlah harta anak yatim (yang berada dalam amanah penjagaanmu) agar harta tersebut tidak susut kerana zakat." (*Riwayat Malik*)

Jangan pula salah faham dengan hadis ini. Ia ditujukan kepada penjaga anak

yatim yang amanah agar memanfaatkan harta anak yatim yang dijaganya bagi tujuan perniagaan yang baik untuk kemaslahatan anak yatim tersebut. Ini supaya harta tersebut dapat beredar dalam ruang ekonomi sesebuah kawasan, sekali gus merancarkan lagi ekonomi setempat. Hasilnya, ia diharapkan dapat mengelakkan harta simpanan itu susut akibat pembayaran zakat wajib setiap tahun.

Pada zaman wang kertas digunakan kini, faktor inflasi yang menyebabkan susut nilai dan kuasa beli juga perlu dilawan dengan perniagaan dan pelaburan agar keuntungan yang bakal diperoleh mampu mengatasi peratusan inflasi dan zakat sekali gus. Itulah satu petanda Islam amat menggalakkan umatnya bersifat dinamik dan bijak dalam pengurusan kewangan. Pelaburan sudah tentu menjadi satu langkah yang popular.

Menurut kajian yang dilakukan di Amerika, pembaca boleh melihat prestasi 10 tahun beberapa aset popular. Daripada hasil kajian yang diperoleh, ia jelas menunjukkan pelaburan dalam emas mendahului carta.

Jadual di bawah menunjukkan pulangan bagi aset mengikut kategori (Amerika Syarikat), dari Julai 1999 hingga Julai 2009:

Kategori	Keuntungan (kerugian)
Emas	267%
<i>Long-term treasuries</i>	110%
<i>High-Grade Corporate</i>	79%
Komoditi	66%
<i>Real-estate</i>	62%
<i>Three-Month T-Bills</i>	38%
S&P 500	(26%)

Sumber: Haver Analytics, Gluskin Sheff

Bagaimanapun, menurut penilaian saya secara peribadi dari sudut etika, menjadikan emas sebagai bahan pelaburan jangka pendek boleh mengundang elemen yang tidak baik. Oleh sebab itu, ia kurang digalakkan berbanding menjadikannya sebagai bahan pelaburan jangka sederhana dan panjang.

Keutamaan Sektor

Bagi mereka yang ingin melabur, perkara asas yang perlu difikirkan ialah sektor

yang perlu dipilih. Dari perspektif Islam, setiap individu bertanggungjawab atas penggunaan harta dan wang mereka. Bagi insan yang soleh dan baik, tentunya akan digunakan ke arah yang baik juga. Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Sebaik-baik harta adalah yang berada dalam pemilikan orang yang baik." (Riwayat Ahmad dan Ibn Hibban)

Mengapa demikian? Ini kerana individu yang soleh akan sentiasa menimbang kesan baik dan buruk yang terhasil daripada pelaburannya. Justeru, mereka pasti akan memilih sesuatu yang dapat memberi kesan terbaik dan manfaat maksimum kepada diri dan masyarakat.

Namun sebaliknya bagi jutawan tanpa jiwa kebaikan, pasti akan memilih dan melayani sektor pelaburan yang berpotensi memberi keuntungan lumayan walaupun ia mempunyai banyak mudarat seperti sektor yang jelas haram seperti hiburan, perjudian, pelacuran, dadah, rokok, perbankan riba, minuman keras dan sebagainya yang pasti akan merosakkan agama dan jati diri masyarakat serta menghilangkan keberkatan dalam sumber pendapatannya.

Sektor Keutamaan

Senarai keutamaan sektor yang patut dilabur penting diketahui bagi seseorang pelabur Muslim yang bertakwa. Suatu pelaburan yang mungkin kurang pada hitungan keuntungan kewangannya, tetapi "lebat" dengan manfaat ukhrawi perlu diberikan pertimbangan serius.

Menurut sebahagian besar ulama, turutan keutamaan sektor pelaburan yang halal adalah:

1. Melabur dalam sektor yang membawa **kejutuan beragama** dalam kalangan masyarakat seperti stesen radio dan TV Islam, penerbitan bahan bacaan dan visual yang menyedarkan, model *team building* berorientasikan nilai Islam, sekolah Islam dan seumpamanya.

2. Alatan, mesin dan juga makanan yang menambahkan **elemen keselamatan** nyawa dan jiwa di dalam masyarakat seperti sektor pembuatan kenderaan yang berkualiti, ubatan hasil kajian yang mendalam, makanan yang menyihatkan dan sebagainya.

3. **Sektor perumahan** yang pastinya membantu masyarakat beroleh kediaman yang baik dan berkualiti.

4. **Sektor pendidikan** yang merangkumi ilmu-ilmu fardu kifayah seperti universiti dan kolej universiti.

Begitulah serba ringkas turutan keutamaan yang boleh disarankan bagi mereka yang ingin dan sedang memikirkan sektor pelaburan yang diingini.

Musyarakah Atasi Kekangan Modal

Modal merupakan salah satu halangan dan cabaran besar buat para pelabur. Jika sesebuah perniagaan yang ingin diceburi itu memerlukan modal permulaan yang sangat tinggi, amat jarang terdapat individu yang mampu menggunakan sepenuhnya wang sendiri untuk tujuan sebegitu. Mereka memerlukan sama ada pembiayaan daripada pihak bank atau bekerjasama dengan syarikat atau individu lain.

Islam menggalakkan bekerjasama atau bersyarikat dalam menjalankan sesuatu perniagaan, malah ia lebih disukai berbanding menjalankan perniagaan seorang diri selaku pemilik. Ini tentunya agar manusia dapat saling membantu dalam kebaikan, menikmati keuntungan dan seterusnya menanggung keperitan kerugian bersama-sama. Ia lebih dekat dengan fitrah manusia yang suka untuk bergembira dan berdukacita bersama-sama yang lain.

Justeru, melihat kepada dalil al-Quran, pernah diisytiharkan hal perkongsian ini maksud firman Allah s.w.t.: "Dan mereka berkongsi dalam satu pertiga." (*Surah al-Nisa' 4: 12*)


Manakala dalam hadis kudi disebutkan: "Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: 'Allah ialah orang ketiga yang bersama-sama dua orang yang bersyarikat selagi tiada salah seorang mengkhianati rakan-nya.'" (Riwayat Abu Daud)

Syarat Umum

Antara syarat umum yang perlu dititikberatkan sebelum menyertai aktiviti perniagaan dan perkongsian dalam sesebuah pelaburan adalah:

a. Jika modal itu datang dari institusi kewangan atau bank, maka wajib hanya menghadkan kepada pembiayaan daripada **institusi kewangan Islam sahaja**.

b. Sebarang jenis pinjaman daripada rakan dan taulan mestilah **tiada sebarang janji jaminan modal dan jaminan keuntungan**. Juga dilarang menjanjikan keuntungan untuk tempoh tertentu dalam apa-apa jua peratusannya. Itu semua akan menjadikan modal diperoleh dengan cara pinjaman riba yang haram. Tat kala itu,



DR. ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN

Mendapat ijazah B.A Usuluddin (UM), M.A (Fiqh dan Usul Fiqh) dari Universiti al-Yarmouk, Jordan dan PhD (Islamic Finance) dari University of Wales, UK.

Mendapat ijazah Ilimiyah dari Dr. Yusuf al-Qaradawi. Antara guru beliau, Sheikh Dr. Abd Sattar Abu Ghuddah dan Sheikh Muhammad 'Ujlah. Kini sebagai Penolong Profesor di UIAM, Ahli Lembaga Pengarah al-Naqiy Islamic Solution Sdn. Bhd., Ahli Majlis, Institut Perbankan & Kewangan Islam UIAM, Penasihat Syariah bagi Al-Rajhi Bank, ACR Retakaful Bahrain, dan juga sebagai penasihat kepada beberapa syarikat korporat di Malaysia. Layari www.zaharuddin.net

walau perniagaan dalam sektor yang halal sekalipun, ia tetap menjadi tidak halal.

c. **Asas utama perniagaan wajib halal**. Tiada sebarang perbezaan pandangan bahawa menyertai atau berkongsi dalam syarikat yang asas perniagaannya haram seperti memberi pinjaman riba atau berniaga barangan yang diharamkan.

d. **Perkongsian modal atau ke-pakaran dengan orang bukan Islam**.

Tidak dinafikan terdapat perbincangan dan pertikaian berkenaan keharusan berkongsi dengan individu bukan Islam. Ada sebahagian ulama yang tidak membenarkannya dan ada juga yang menganggapnya sebagai makruh. Ia berdasarkan riwayat Ibn Abbas r.a., beliau berkata: "Jangan kamu bersyarikat dengan Yahudi, Nasrani atau Majusi."

Ibn Hamzah bertanya: "Mengapa tidak?"

Ibn Abbas menjawab: "Kerana mereka melakukan riba dan riba tidak halal." (Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jil. 5, hlm. 3 dan al-Muhazzab, jil. 1, hlm. 345)

Daripada dalil di atas, Imam al-Syafi'i menganggap bermusyarakah dengan orang bukan Islam adalah makruh. Manakala Imam Ahmad, al-Awza'i dan Hasan al-Basri menganggapnya harus. Imam Ibn Qudamah pula mengatakan kata-kata Ibn Abbas di atas hanyalah pandangan seorang sahabat dan tidak pula tersebar dalam kalangan sahabat yang lain.

Manakala Khalifah Umar al-Khattab berpandangan ia dibenarkan dengan iktikad sebahagian daripada pendapat mereka adalah halal sebagaimana Nabi s.a.w. pernah diriwayatkan membeli makanan daripada Yahudi dan mencagarkan baju besi Baginda s.a.w. (Riwayat al-Bukhari; Ibn Qudamah dalam *al-Mughni*)

Pandangan yang mengharuskan dengan melihat kepada perincian aktiviti syarikat ini disokong kuat oleh ulama besar kontemporari seperti Sheikh Mustafa al-Zarqa. (Shabir, *al-Mu'amalat al-Maliyyah*, hlm. 210)

Justeru, selagi urusan niaga utama atau majoriti urusan niaga syarikat dan asasnya menepati syariah, ia sah walaupun terdapat rakan kongsi bukan Islam yang sama ada diketahui atau tidak bahawa modalnya daripada sumber yang haram. Ia juga dikuatkuatkan oleh riwayat di bawah:

Al-Khallaal dengan sanadnya daripada 'Ata' berkata: "Rasulullah s.a.w. melarang bermusyarakah dengan Yahudi dan Nasrani kecuali jika jual belinya di tangan orang Islam (menuruti syariah)." (*Al-Kafi fi Fiqh al-Hanbali*, jil. 2, hlm. 257; Ibn Muflih, *al-Mubdi'*, jil. 5, hlm. 4; Ibn Qayyim: sanadnya daif kerana mursal; *Ahkam Ahl al-Zimmah*, jil. 1, hlm. 556)